

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI ANNUAR
BIN HAJI MUSA [KETEREH]**

SOALAN NO. 128

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA [KETEREH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status pembinaan Pusat Kesihatan Kok Lanas, Ketereh dan mengapakah berlaku penangguhan pembinaannya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Projek Pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 3 dengan Kuarters Kok Lanas, Ketereh telah bermula dan kontraktor telah memasuki tapak pada 4 Mac 2019. Sehingga 10 September 2019, kemajuan kerja fizikal sebenar di tapak bina adalah sebanyak 3.57 peratus berbanding 4 peratus jadual. Pihak Kementerian dan Jabatan Kerja Raya selaku Agensi Pelaksana sedang memantau rapi pelaksanaan projek ini secara berterusan agar ianya dapat disiapkan mengikut kontrak dan jadual kerja yang telah ditetapkan.

Penangguhan pembinaan projek ini adalah berikutan arahan Kerajaan melalui surat arahan penangguhan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bertarikh 29 Jun 2018 supaya semua perolehan Kerajaan dibuat tender semula.

Sekian, terima kasih.